

**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA**

**PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 8 TAHUN 1988**

**PINDAAN ELAUN KERAJIAN DAN BAYARAN BANTUAN SEWA  
RUMAH BAGI PEGAWAI-PEGAWAI BERPANGKAT PENOLONG  
PESURUHJAYA POLIS DAN KE ATAS DALAM PEKELILING  
PERKHIDMATAN BIL. 11 TAHUN 1986**

**TUJUAN**

1. Tujuan Pekeliling ini adalah untuk meminda kadar Elaun Kerajaan dan Bayaran Bantuan Sewa Rumah bagi Pegawai-pegawai berpangkat Penolong Pesuruhjaya Polis dan ke atas sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 11 Tahun 1986.

**LATAR BELAKANG**

2. Kerajaan telah mengkaji semula keputusan mengenakan potongan 10% ke atas Elaun Kerajaan dan Bayaran Bantuan Sewa Rumah yang dibayar kepada Pegawai-pegawai berpangkat Penolong Pesuruhjaya Polis dan ke atas yang telah dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 11 Tahun 1986 dan memutuskan supaya ditarik balik potongan 10% tersebut berkuatkuasa mulai 1 Januari 1989. Selaras dengan keputusan itu maka kadar Elaun Kerajaan dan Bayaran Bantuan Sewa Rumah yang sedang dinikmati oleh Pegawai-pegawai berpangkat Penolong Pesuruhjaya Polis dan ke atas hendaklah dipinda.

**KADAR BARU**

3. Kadar Elaun Kerajaan bagi Pegawai-pegawai berpangkat Penolong Pesuruhjaya Polis dan ke atas adalah seperti berikut:

**Elaun Kerajaan**

<i>Pangkat Pegawai</i>	<i>Kadar Sekarang Sebulan \$</i>	<i>Kadar Baru Sebulan \$</i>
Ketua Polis Negara .. .. .	1,800	2,000
Timbalan Ketua Polis Negara .. .. .	1,080	1,200
Pesuruhjaya .. .. .	900	1,000

<i>Pangkat Pegawai</i>	<i>Kadar Sekarang Sebulan</i> \$	<i>Kadar Baru Sebulan</i> \$
Timbalan Pesuruhjaya .. .. .	765	850
Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis I .. ..	585	650
Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis II .. ..	540	600
Penolong Pesuruhjaya Polis .. .. .	495	550

4. Kadar Bayaran Bantuan Sewa Rumah juga dipinda seperti berikut:

#### **Bayaran Bantuan Sewa Rumah**

<i>Pangkat Pegawai</i>	<i>Kadar Sekarang Sebulan</i> \$	<i>Kadar Baru Sebulan</i> \$
Ketua Polis Negara .. .. .	1,800	2,000
Timbalan Ketua Polis Negara .. .. .	1,350	1,500
Pesuruhjaya .. .. .	900	1,000
Timbalan Pesuruhjaya .. .. .	720	800
Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis I .. ..	585	650
Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis II .. ..	450	500
Penolong Pesuruhjaya Polis .. .. .	405	450

#### **TARIKH KUATKUASA**

5. Tarikh kuatkuasa kadar baru bagi Elaun Keraian dan Bayaran Bantuan Sewa Rumah di perenggan 3 dan 4 di atas adalah mulai 1 Januari 1989.

#### **PEMBATALAN**


6. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini, maka kadar Elaun Keraian dan Bayaran Bantuan Sewa Rumah bagi Pegawai-pegawai berpangkat Penolong Pesuruhjaya Polis dan ke atas sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 11 Tahun 1986 adalah dibatalkan.

7. Kadar Bayaran Bantuan Sewa Rumah bagi Pegawai-pegawai yang berpangkat Penguasa sehingga Konstabel sebagaimana yang diperuntukkan di dalam perenggan 47 Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10 Tahun 1980 adalah terus dipakai.

AM

8. Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri adalah bertanggungjawab untuk menentukan pelaksanaan peruntukan dalam Pekeliling ini dan sekiranya ada sebarang keraguan, penjelasan lanjut hendaklah diminta daripada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Malaysia.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI DATO' ALWI JANTAN),  
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia*

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,  
MALAYSIA,  
KUALA LUMPUR

*25hb November 1988.*